

28 JAN 1999

WEF-PENDAPAT (Komentari)

RAMAI MULA BERSETUJU DENGAN PANDANGAN MALAYSIA

Oleh: Yong Soo Heong

DAVOS (Switzerland), 28 Jan (Bernama) -- Ketika pemimpin-pemimpin dunia, ketua-ketua korporat dan tokoh akademik berkumpul di sini untuk menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF) tahunan, Malaysia seharusnya berbangga apabila ramai daripada mereka yang hadir mula bersetuju dengan apa yang sering ditekankan oleh Malaysia terhadap sistem kewangan global.

Malaysia sering menyatakan sepatutnya terdapat kawal selia bagi menjamin sistem itu tidak terdedah kepada serangan ganas spekulator-spekulator.

Sesetengah negara menjadi miskin akibat daripada kemudahruapan melampau dalam pergerakan matawang mereka dan mangsa terbaru ketika ini adalah Brazil di mana ekonomi negara itu terjejas teruk oleh penurunan besar nilai matawangnya Real.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selain menyatakan manipulator matawang telah menyebabkan kacau bilau kepada sistem kewangan juga mengkritik peraturan kadar faedah tinggi dan dasar kewangan ketat Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang dikatakannya sebagai resepi terhadap bencana ekonomi.

Apa yang lebih menarik adalah George Soros, seorang daripada spekulator matawang utama di dunia, mengakui dalam karya buku terbarunya, "The Crisis of Global Capitalisation", bahawa terdapat kecacatan fundamental tertentu dalam sistem kewangan dunia.

"Melainkan kita menghampirinya, sistem itu wajib dihapuskan -- dan kita akan menerima kesan buruknya," katanya dalam bukunya yang dipetik dalam majalah Newsweek keluaran Februari.

Dalam buku itu, Soros juga berkata peranan yang dimainkan oleh pasaran kewangan di dunia ini sepatutnya dipertimbangkan dengan radikal.

Komen Soros itu adalah membangkitkan semula apa yang telah disuarakan oleh Dr Mahathir sejak dahulu lagi.

Keadaan yang sama turut berlaku bagi isu kawalan modal. Ketika Soros mengkritik kawalan modal Malaysia di dalam bukunya, mungkin atas alasan tertentu, situasi yang bercanggah muncul apabila beliau mengakui bahawa negara-negara Asia yang mengguna pakai kawalan modal seperti China dan India telah berjaya mengharungi badai pergolakan kewangan dengan lebih baik berbanding dengan negara lain yang lebih terbuka.

"Beberapa bentuk kawalan modal mungkin lebih disukai bagi menangani ketidakstabilan walaupun ia tidak mengandungi dasar yang baik dalam dunia yang ideal. Cabarannya adalah untuk menstabilkan pasaran kewangan bagi menjadikan kawalan modal tidak perlu dilaksanakan," kata Soros.

Apa yang disuarakan oleh Soros dalam bukunya adalah lebih kurang mencerminkan apa yang telah dibangkitkan oleh Dr Mahathir sebelum ini. Perdana Menteri berulang kali menekankan bahawa kawalan modal selektif negara adalah sementara dan ia akan ditarik balik sebaik sahaja sistem kewangan global ditangani dengan sewajarnya.

Meskipun menerima kritikan daripada beberapa pihak, Malaysia tetap tidak menolak sistem kewangan global mahupun menutup sempadannya kepada perdagangan dan pelaburan.

Apa yang dilakukan oleh Malaysia adalah memperkenalkan langkah-langkah untuk menghalang kemudahruapan melampau dalam ringgit yang disebabkan oleh spekulator.

Dalam waktu yang sama, Malaysia telah mendesak masyarakat antarabangsa untuk mencari penyelesaian kepada krisis kewangan di samping ia juga

bersiap sedia untuk menyediakan input-input bagaimana pergolakan itu boleh dikurangkan atau sekaligus menamatkannya.

Sementara itu, Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew mengulangi gesaan untuk membaiki sistem kewangan global. Beliau akan bercakap mengenai bagaimana Malaysia memantul semula daripada keadaan kegawatan ekonomi yang melanda ekonomi.

Adalah berguna bagi peserta yang menghadiri WEF, termasuk Soros, untuk mendengar apa yang akan dibangkitkan oleh Dr Mahathir mengenai peraturan baru permainan itu. -- BERNAMA

SHY ZK JR